



Faculty of Cognitive Science and Human Development

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI  
PEMULIHAN PERSONALITI MAK NYAH:  
SATU KAJIAN KES**

**AWANG MOHD NAJIB BIN AWANG CHEE**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2003**

**BF  
698  
A964  
2003**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMULIHAN  
PERSONALITI MAK NYAH : SATU KAJIAN KES.

SESI PENGAJIAN : 2000 / 2004

Saya **AWANG MOHD NAJIB BIN AWANG CHEE**

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,  
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\* sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENYELIA)



(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:

33 KAMPUNG PANGLIMA SEMAN ULU,  
PETRA JAYA, 93050, KUCHING, SARAWAK.

Tarikh: 1<sup>st</sup> April 2003

Tarikh: 1<sup>st</sup> April 2003

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sbagai SULIT atau TERHAD

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMULIHAN PERSONALITI

MAK NYAH

SATU KAJIAN KES

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000129703

oleh

Awang Mohd Najib Bin Awang Chee

Projek ini merupakan salah satu keperluan kursus untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (Kaunseling Organisasi) dengan Kepujian dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk “ Faktor Yang Mempengaruhi Pemulihan Personaliti Mak Nyah ” telah disediakan oleh Awang Mohd Najib Bin Awang Chee dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains ( Kaunseling Organisasi ) dengan kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh:



( Profesor Madya Hajjah Zuraidah Binti Abdul Rahman )

Tarikh:

1st April 2003

---

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kajian saya Yang Berbahagia Profesor Madya Hajah Zuraidah Binti Abdul Rahman yang telah banyak bertungkus - lumus memberikan segala bimbingan, idea, nasihat, motivasi serta doa kepada saya selaku anak didik beliau. Ucapan setinggi – tinggi terima kasih juga diutuskan buat semua pensyarah yang turut memberikan khidmat nasihat serta sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan penulisan kajian saya ini sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya buat Encik Razali Bin Othman, Encik Zamri Bin Hassan, Puan Sabasiah Binti Hussin, dan Cik Zaiton Hassan. Terima kasih juga ditujukan kepada responden kajian yang telah banyak membantu dalam memberikan kerjasama untuk kejayaan penulisan kajian ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada teman – teman seperjuangan yang dikasihi iaitu teman baik Muhammad Haikal Bin Osman, Edris Bin Aden, Roslim Bin Man, serta rakan – rakan dari Program Kaunseling yang banyak memberikan dorongan serta sokongan. Kepada saudara Zubil Bin Mah serta saudari Dayang Suziwati Bte Abang Badwie terima kasih atas segala bantuan yang telah dihulurkan. Kalian semua tetap di dalam hati serta ingatanku.

Teristimewa ungkapan terima kasih dihadiahkan buat Ibu bapa tersayang serta semua ahli keluarga atas doa serta sokongan yang tidak pernah lekang daripada kalian semua sepanjang anakmu menempuh ranjau serta cabaran hebat di alam kampus UNIMAS ini.

## JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iv
Jadual Kandungan	v
Senarai Gambarajah	vi
Abstrak	vii
<i>Abstract</i>	viii
<b>1. PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.4.1 Objektif am	
1.4.2 Objektif Khusus	
1.5 Kerangka Konseptual	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Definisi Konsep dan Operasional	8
1.7.1 Definisi Faktor – Faktor	
1.7.2 Definisi Pemulihan	
1.7.3 Definisi Personaliti	
1.7.4 Definisi Mak Nyah	
1.7.5 Persekitaran Kerja	
1.7.6 Rakan Sebaya	
1.7.7 Lelaki Normal	
1.8 Limitasi Kajian	11
<b>2. SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian Berhubung Konsep Pemulihan	12
2.3 Kajian Berhubung Konsep Personaliti	13
2.4 Kajian Berhubung Mak Nyah	14
2.5 Kajian Berhubung Homoseksual	16
2.5.1 Latar Belakang Pengamal Homoseksual	17
<b>3. METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>20</b>
3.1 Pengenalan	20
3.2 Reka Bentuk Kajian	20
3.3 Responden Kajian	21
3.4 Alat Ujian Kajian	22
3.5 Analisis Data	22

<b>4.</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>24</b>
4.1	Pengenalan	24
4.2	Data Demografi Responden	24
4.2.1	Sejarah Dan Latar Belakang Responden	
4.3	Faktor Yang Mendorong Pemulihan Personaliti Mak Nyah	28
4.3.1	Faktor Keluarga	
4.3.2	Faktor Agama	
4.3.3	Faktor Rakan Sebaya	
4.3.4	Faktor Persekitaran Kerja	
4.3.5	Faktor – Faktor Lain	
	a) Peristiwa Pahit ( Pengalaman Silam )	
	b) Amanat Ahli Keluarga	
	c) Khutbah Jumaat	
4.4	Kehendak / Tarikan Seksual Terhadap Kaum Sejenis	40
4.5	Ringkasan Dapatan Kajian ( Temu Bual )	43
<b>5.</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>46</b>
5.1	Pengenalan	46
5.2	Rumusan Kajian	46
5.3	Implikasi Kajian	49
5.4	Cadangan Kajian Lanjut	50
5.5	Kesimpulan	51
<b>6.</b>	<b>RUJUKAN / BIBLIOGRAFI</b>	<b>52</b>
<b>7.</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>55</b>

## SENARAI RAJAH

### Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian 6

### Rajah 2

Rumusan Dapatan Kajian 48



## SENARAI JADUAL

### Jadual 1

Pengklasifikasian Dapatan Kajian	23
----------------------------------	----

### Jadual 2

Jadual Pengklasifikasian Maklumat Temubual Responden	43
--	----

### Jadual 3

Jadual Pengklasifikasian Maklumat Temubual Golongan Mak Nyah	44
--	----

## ABSTRAK

### FAKTOR – FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMULIHAN PERSONALITI MAK NYAH SATU KAJIAN KES

Awang Mohd Najib Bin Awang Chee

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah faktor – faktor yang mempengaruhi pemulihan personaliti golongan lelaki transeksual di Kuching, Sarawak yang dikenali sebagai Mak Nyah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual berbentuk semi – struktur yang berpandukan satu set panduan soal selidik. Soalan kaji selidik ini menekankan tentang beberapa aspek pendorong pemulihan personaliti Mak Nyah iaitu faktor perkahwinan, keluarga, agama, persekitaran kerja dan rakan sebaya. Seramai enam orang responden telah terlibat dalam kajian temu bual ini yang merupakan golongan Mak Nyah yang telah pulih dan tinggal di kawasan sekitar Kuching. Kajian ini menyelidik dengan lebih dalam tentang faktor yang mempengaruhi Mak Nyah untuk pulih kepada normal. Pengkaji mendapati bahawa golongan Mak Nyah ini berubah disebabkan faktor seperti yang dinyatakan di atas. Di samping itu, peristiwa signifikan juga merupakan faktor yang mendorong Mak Nyah untuk pulih. Bagi menyokong kajian ini, temu bual juga dilakukan kepada 4 orang daripada 6 orang isteri responden sebagai sokongan kepada dapatan kajian ini. Pandangan lima orang Mak Nyah yang masih aktif juga diambil kira untuk menyokong faktor yang dikenal pasti.

## *ABSTRACT*

### *FACTORS THAT INFLUENCE REVERSION OF MAK NYAH PERSONALITY. A CASE STUDY*

*Awang Mohd Najib Bin Awang Chee*

*The purpose of this research is to identify what are the factors that influence the reversion of men transsexual personality in Kuching, Sarawak known as Mak Nyah to normal man - personality. This qualitative research<sup>is</sup> using a set of questionnaires for semi - structured interview. The set of questionnaires emphasized the reversion factors of Mak Nyah personality to normal such as marriage, family, religion, working environment, and influenced<sup>of</sup> peers. There are six respondent in the city of Kuching, who were involved in this interview. They are Mak Nyah who have reverted to their original<sup>personality</sup> men. This research found that five factors as stated, influenced the reversion of Mak Nyah personality. Furthermore, significant event such as death of the Mak Nyah friend, played an important role in reverting Mak Nyah personality to normal<sup>and</sup> also other factors . This research also interviewed 4 out of 6 respondents' wives and five present Mak Nyah as a support to the finding.*

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Pengenalan

Secara lazimnya, manusia itu dilahirkan sebagai lelaki dan perempuan. Penentuan jantina ini boleh dilihat sejak dari peringkat janin semasa bayi belum dilahirkan lagi ( Syed Hassan : 2001 ). Namun demikian setelah melalui peringkat perkembangan dalam kehidupan, ada di antara individu yang mengalami kecelaruan gender serta personaliti. Ini memberi impak kepada perkembangan personaliti sehingga ada yang keliru tentang jantina mereka sendiri.

Mak Nyah bukanlah merupakan satu fenomena baru yang berlaku dalam masyarakat sama ada di Malaysia mahupun masyarakat dunia amnya. Golongan yang dikategorikan di kalangan mereka yang menghadapi kecelaruan jantina ini merupakan kelompok manusia yang kian berkembang dari hari ke hari. ( The Yik Koon : 2000 )

Mak Nyah juga merupakan salah satu ancaman yang cukup kuat yang menyumbang kepada masalah sosial di Malaysia. Umumnya golongan ini dikaitkan dengan meningkatnya gejala seks songsang yang kian menular sejak akhir – akhir ini seperti gejala homoseksual, lesbian, liwat dan sebagainya. Ini menyumbang kepada meningkatnya peratusan pesakit AIDS serta pembawa HIV di Malaysia. ( Teh Yik Koon : 2000 )

Menurut Allport ( 1967 ) , personaliti dipengaruhi oleh hasil keturunan serta persekitaran. Keturunan akan membekalkan personaliti dan ini akan dipengaruhi oleh persekitaran dalam mengembangkan pembentukannya.

Mak Nyah juga dikenali sebagai transeksual, transgender, atau tranvestit. Di Malaysia, golongan ini juga dikenali dengan terminologi – terminologi yang lain seperti *pondan* dan *bapok*. Mereka ini adalah golongan yang berperwatakan seperti wanita, malahan ada di antara mereka yang sudah pun melakukan pembedahan pertukaran jantina kepada perempuan.

Mak Nyah merupakan antara personaliti yang perlu dilihat serta dikaji dengan lebih mendalam. Kumpulan Mak Nyah ini sering kali didakwa serta dicap sebagai golongan yang cenderung melakukan perilaku negatif seperti seks songsang serta hidup penuh dengan dosa dan noda. IKHLAS ( Pink Triangle ) sebuah pertubuhan bukan kerajaan, menganggarkan seramai 10,000 Mak Nyah di Malaysia. Ini merangkumi 70 – 80 peratus daripada mereka adalah Melayu, dan yang selebihnya terdiri daripada Cina, India serta kelompok masyarakat lain di Malaysia. ( Teh Yik Koon : 2000

Golongan Mak Nyah ini sering kali menimbulkan persoalan kepada masyarakat. Ini kerana golongan ini merupakan antara kelompok manusia yang sering menjadi perhatian umum serta berbeza daripada lelaki normal yang lain terutama dari segi pemakaian dan tingkah laku mereka. Mak Nyah mempunyai perwatakan serta personaliti mereka yang sentiasa dan sering mengundang tanda tanya di kalangan masyarakat sekeliling.

Dalam kajian ini, pengkaji akan memberi tumpuan dengan menjalankan kajian kepada melihat apakah faktor – faktor yang menyumbang kepada pemulihan personaliti golongan Mak Nyah ini.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kebiasaannya naluri seseorang lelaki akan tertarik dengan wanita dan begitu juga sebaliknya. Namun yang demikian, wujud di kalangan mereka yang tertarik dengan golongan yang mempunyai status jantina yang sama. Justeru ada yang mengambil tindakan untuk menukar personaliti mereka kepada personaliti yang berlawanan. Hal ini juga disebut dalam kajian Sandra ( 2000 ) yang menjelaskan tentang fenomena lelaki kepada perempuan dan perempuan kepada lelaki ( *Male to Female & Female to Male* ) Oleh yang demikian, wujudlah beberapa terma atau istilah - istilah seperti Transeksual, Transgender, Tranvestit, Homoseksual dan banyak lagi.

Menurut Meriam Omar Din ( 2000 ) dalam jurnal PERKAMA keluaran ke lapan, Transeksualisme berlaku apabila wujud individu yang tidak merasa senang serta selesa dengan jantina onotominya atau jantina asalnya di samping timbul desakan perasaan ingin menukar jantina supaya dapat hidup seperti jantina yang sebaliknya.

Menurut beliau lagi, Tranvestisme bermaksud tingkah laku lelaki memakai pakaian wanita atau dikenali sebagai silang pakaian ( *cross dressing* ). Dalam konteks ini, ada kedapatan lelaki yang cenderung untuk mendapat kepuasan dengan memperagakan diri serta berperwatakan seperti seorang wanita.

Kecelaruan identiti kanak – kanak pula adalah apabila tingkah laku transeksual ini di alami oleh kanak – kanak serta kecelaruan identiti jantina aptikal pula adalah apabila ia berlaku terhadap orang dewasa.

Peranan gender merujuk kepada perilaku serta sikap seseorang dalam mencerminkan jantina sebenar mereka. Ia melibatkan interaksi individu terhadap diri yang menunjukkan sama ada mereka menghayati sifat kelakian atau keperempuanan. Orentasi jantina adalah mengenai sejauh mana seseorang itu tertarik dari aspek seksual kepada orang lain ( Syed Hassan : 2001 ).

Menurut Mahmood Nazar ( 1990 ), ada empat jenis kecelaruan identiti jantina iaitu, transeksual, tranvestis, kecelaruan identiti kanak – kanak, dan kecelaruan identiti jantina aptikal.

Jenis – jenis kecelaruan ini pula dipengaruhi oleh faktor – faktor yang membentuknya. Ini merangkumi dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Dua faktor ini pula merangkumi, faktor emosi, faktor kognitif, faktor genetik, faktor susunan dalam keluarga, faktor didikan serta asuhan, faktor persekitaran ( bandar atau luar bandar ), faktor budaya, dan faktor rakan sebaya. Berdasarkan kepada faktor - faktor ini, ada di antaranya merupakan faktor yang mempengaruhi kepada pembentukan personaliti Mak Nyah.

Menurut Roseliza Murni ( 2002 ) antara faktor – faktor yang terlibat dalam mempengaruhi pembentukan personaliti Mak Nyah adalah faktor keluarga, pergaulan dengan rakan sebaya, dan persekitaran. Pengkaji akan menjalankan kajian dengan melihat apakah faktor – faktor yang dinyatakan di atas juga boleh merupakan faktor yang boleh membantu golongan Mak Nyah untuk pulih kepada keadaan yang normal dengan melakukan sedikit pembacaan tambahan bagi melihat faktor – faktor lain yang juga boleh membantu dalam pemulihan personaliti Mak Nyah ini.

Pengkaji akan menjalankan kajian yang lebih memberi fokus berhubung dengan faktor - faktor yang boleh membantu dalam pemulihan personaliti Mak Nyah. Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif dengan mendapatkan maklumat daripada responden kajian yang terdiri daripada golongan Mak Nyah yang telah berubah serta kembali pulih kepada personaliti sebagai lelaki normal. Kajian ini dijalankan di sekitar bandaraya Kuching, Sarawak. Dalam menjalankan kajian, pengkaji menggunakan pendekatan temubual dengan berpandukan dengan set panduan soalan kaji selidik yang bersifat terbuka dan dijalankan secara semi – struktur ( *open – ended / semi – structured questions* ).

### 1.3 Penyataan Masalah

Gejala Mak Nyah ini bukanlah merupakan satu masalah baru di Malaysia. Banyak tulisan serta kajian – kajian menjurus kepada faktor yang mempengaruhi pembentukan personaliti Mak Nyah. Ini kerana, para pengkaji merasakan perlu bagi golongan cendekiawan memahami serta mendalami persoalan hidup serta keperluan dan kehendak golongan ini. Cuming ( 1993 ) dalam Kamaruddin ( 1998 ), menyatakan bahawa personaliti dan sikap seseorang individu adalah dipengaruhi oleh pusingan baka individu serta situasi persekitaran kawasan di mana mereka tinggal.

Satu kenyataan yang turut menyokong pernyataan ini adalah seperti yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud ( 1905 ) melalui teori beliau psikoanalisis. Menurut Freud berhubung dengan pembangunan pembentukan personaliti, manusia atau seseorang individu itu akan mengalami lekatan mekanisme seandainya mereka tidak lengkap atau tidak memenuhi sesuatu keperluan ketika pada usia kanak – kanak lagi. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan beberapa peringkat istilah dalam peringkat psikoseksual ( *Psychosexual Stages* ) yang digunakan oleh Freud seperti peringkat *Oral, Anal, Phallic, Latency, dan Genital*.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan berhubung dengan golongan Mak Nyah. Antaranya adalah ;

1. Apakah Golongan Mak Nyah ini boleh pulih ?
2. Bolehkah golongan Mak Nyah ini berubah menjadi lelaki normal ?
3. Bagaimana golongan Mak Nyah ini boleh berubah atau pulih ?
4. Apakah faktor yang boleh membantu golongan ini untuk pulih ?

Berdasarkan pernyataan masalah ini, pengkaji akan cuba merungkaikan faktor – faktor yang boleh mempengaruhi Mak Nyah untuk kembali pulih kepada personaliti normal.

## 1.4 Objektif Kajian

Fokus kajian ini adalah kepada beberapa matlamat yang telah ditetapkan. Ia akan membantu serta membolehkan pengkaji memberikan tumpuan yang spesifik kepada aspek penting yang akan diperjelaskan dalam kepentingan serta pernyataan masalah kajian. Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum serta objektif khusus.

### 1.4.1 Objektif umum kajian ini adalah ;

Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.

### 1.4.2 Objektif khusus kajian ;

Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada ;

1. Faktor perkahwinan mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.
2. Faktor keluarga mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.
3. Faktor rakan sebaya mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.
4. Faktor persekitaran kerja mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.
5. Faktor agama mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.
6. Faktor lain yang mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.




## 1.5 Kerangka Konseptual

Kajian ini akan melihat serta mengenal pasti beberapa faktor yang dianggap merupakan faktor yang boleh mempengaruhi golongan Mak Nyah ini untuk pulih kepada personaliti normal. Faktor – faktor ini merupakan faktor yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan pembacaan terhadap kajian lepas serta pemerhatian dan temu bual secara informal terhadap golongan ini serta mereka yang berada di sekeliling.

Di samping itu, ada di antara faktor – faktor ini juga merupakan antara faktor – faktor yang menyumbang kepada pembentukan personaliti Mak Nyah. Kajian Teh Yik Koon ( 2000 ), menyebut bahawa antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk menukar personaliti sebagai Mak Nyah adalah seperti pengaruh rakan sebaya dan keluarga. Justeru, pengkaji mengambil pendekatan untuk melihat apakah faktor – faktor ini juga mampu untuk menjadi satu unsur yang mampu merubah serta memulihkan personaliti Mak Nyah.

Di antara faktor – faktor yang akan diberi fokus serta penekanan adalah faktor perkahwinan, keluarga, agama, rakan sebaya, dan persekitaran kerja. Faktor – faktor ini bolehlah dirangkaikan dalam bentuk kerangka konseptual seperti di bawah. Selain daripada itu, pengkaji juga akan melihat serta mengenalpasti apakah wujud faktor - faktor lain yang turut mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah.



Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan data yang berbentuk kualitatif dan subjektif. Ia amat penting dalam merungkaikan persoalan faktor - faktor yang mempengaruhi pemulihan personaliti Mak Nyah. Ini sekaligus akan membantu pelbagai pihak dalam mencari kaedah yang terbaik untuk memulihkan golongan ini kepada keadaan yang normal.

Smith ( 2001 ) dalam Syed Hassan ( 2001 ) menyatakan bahawa ramai golongan yang mengalami kecelaruan gender seperti Mak Nyah ini turut mengalami gangguan psikologikal. Konflik tentang identiti gender, peranan jantina, dan orientasi jantina kadang - kadang bercanggah dengan emosi dan kehendak mereka. Keretakan persahabatan sesama pasangan, persepsi masyarakat, keluarga dan perundangan memberi kesan kepada golongan seperti Mak Nyah. Ada juga di kalangan mereka mula menjadikan diri mereka sebagai Mak Nyah untuk melepaskan diri mereka daripada tekanan serta belenggu masalah yang mereka hadapi.

Yik Koon Teh ( 1993 ), menjelaskan bahawa masyarakat secara umumnya menyisihkan golongan transeksual serta mempersendakan mereka. Mereka dianggap sebagai kelas bawahan, tanpa menyedari bahawa sebahagian daripada masalah yang dihadapi oleh golongan transeksual adalah disebabkan oleh layanan negatif masyarakat terhadap mereka. Ada di kalangan masyarakat memberikan satu stigma yang negatif yang sekaligus menyemai satu skrip dalam pemikiran golongan ini untuk tidak berubah kepada personaliti sedia kala. Masyarakat seharusnya menyediakan ruang serta peluang kepada golongan seperti Mak Nyah ini untuk mereka pulih dan berubah.

Manakala menurut kajian yang telah dijalankan oleh Yik Koon Teh ( 2001 ), terdapat lebih kurang 10, 000 Mak Nyah di negara kita. Pembentukan serta perkembangan kepada personaliti ini sedikit sebanyak telah melahirkan kebimbangan kepada masyarakat kita. Ini ditambah lagi dengan perubahan nilai sikap serta tingkah laku sosial. Ini telah memberikan tekanan kepada kelompok masyarakat.

Namun yang demikian, kajian berhubung dengan faktor - faktor yang mempengaruhi pemulihan personaliti ini masih kurang kedapatan terutamanya kajian terhadap golongan Mak Nyah di Malaysia. Justeru, kajian ini amat penting bukan sahaja kepada golongan pengkaji Sains Sosial, bahkan kepada ahli psikologi serta pengkaji - pengkaji yang lain. Justeru, kajian terhadap faktor - faktor yang mempengaruhi pemulihan personaliti ini akan mengupas di samping mencari punca serta sebab yang boleh membantu golongan ini.

Selain itu, kajian ini juga boleh membantu para pengamal kaunseling untuk membantu klien yang mempunyai kecelaruan gender seperti Mak Nyah ini untuk mengenal diri mereka. Ini sekaligus dapat membantu para pengamal kaunseling bagi membantu golongan ini untuk pulih. Kajian ini juga diharapkan agar dapat membantu dalam mengatasi masalah sosial yang melibatkan golongan Mak Nyah ini.

Kajian ini juga dapat membantu kerajaan dan agensi lain dalam menjadikannya satu panduan bagi mendorong golongan Mak Nyah untuk kembali kepada personaliti normal. Dengan ini, masalah sosial yang ditimbulkan oleh golongan ini diharap dapat dikurangkan.

## 1.7 Definisi Konsep Dan Operasi

Dalam kajian ini, beberapa istilah akan digunakan. Definisi istilah – istilah ini akan diperjelaskan dalam dua pendekatan initu definisi secara konseptual dan definisi secara operasional. Ini bertujuan bagi memudahkan pengkaji menjelaskan bentuk pendekatan kajian yang akan dijalankan.

### 1.7.1 Faktor

#### *Konseptual :*

Faktor – faktor adalah unsur atau sesuatu perkara yang mendorong serta boleh menyokong dalam menjadikan sesuatu. Faktor juga boleh didefinisikan sebagai satu sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil. ( Kamus Dewan : Edisi ke Tiga )

#### *Operasional :*

Faktor – faktor adalah unsur yang boleh membantu serta menyokong dalam kajian ini. Dalam kajian ini faktor – faktor tersebut merangkumi lima perkara utama iaitu perkahwinan, keluarga, rakan sebaya, persekitaran kerja, serta agama. Faktor – faktor ini dirasakan merupakan antara faktor yang membantu golongan ini untuk pulih.

### 1.7.2 Pemulihan

#### *Konseptual :*

Pemulihan bermaksud kembali sembuh atau dengan kata lain sudah berada kepada keadaan seperti biasa ( normal ) atau dengan kata lain telah kembali kepada keadaan biasa semula. ( Kamus Dewan : Edisi Ke Tiga )

#### *Operasional :*

Pemulihan bermaksud sudah kembali kepada personaliti sedia kala. Dalam konteks pengkajian ini, pemulihan akan dilihat daripada beberapa aspek iaitu daripada segi pergaulan, tingkah laku serta sikap, dan cara berpakaian golongan Mak Nyah ini. Pengkaji akan memberikan tumpuan dengan membuat lebih pemerhatian kepada perubahan sebenar daripada personaliti Mak Nyah kepada personaliti lelaki normal. Di samping itu, kajian juga akan cuba mengkaji tentang keinginan seksual golongan ini.

### *1.7.3 Personaliti*

#### *Konseptual :*

Personaliti membawa maksud keperibadian atau perwatakan yang membentuk tingkah laku seseorang. Mohd Salleh ( 1994 ) dalam Mohd Ismandi Taha ( 1997 ) menyatakan bahawa personaliti sering dikaitkan dengan sifat serta perwatakan dan ia mencerminkan ciri – ciri keperibadian individu. Personaliti seseorang individu dapat dilihat melalui gaya percakapan, tingkah laku, cara bertindak atau bekerja.

#### *Operasional :*

Personaliti membawa maksud suatu tingkah laku yang melibatkan perasaan dan pemikiran yang boleh menjadikan individu itu berbeza daripada individu lain. Ia boleh disebabkan oleh pengaruh persekitaran. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan lebih mengkhusus kepada melihat personaliti lelaki yang cenderung kepada untuk menjadi atau berperwatakan sebagai menyerupai wanita iaitu Mak Nyah Di samping itu, kajian akan melihat bagaimana individu serta golongan yang telah dan pernah berperwatakan atau berpersonaliti sebagai wanita ini mampu untuk pulih seperti keadaan normal sebagai lelaki.

### *1.7.4 Mak Nyah*

#### *Konseptual :*

Mak Nyah juga merujuk kepada individu lelaki yang menukar personaliti atau jantina mereka kepada perempuan. ( Egay : 2000 ) Menurut Kamus Dewan pula Mak Nyah bermaksud golongan lelaki yang berperwatakan seperti perempuan. Ini merangkumi cara berpakaian, percakapan dan tutur kata, gerak geri serta tingkah laku. Ia berbeza dengan istilah tomboi yang merujuk kepada personaliti perempuan yang cenderung kepada perwatakan sebagai lelaki. ( Kamus Dewan : Edisi Ke Tiga )

#### *Operasional :*

Golongan yang terbahagi kepada tiga iaitu, transeksual, transgender dan transvestite. Dalam konteks kajian yang akan dijalankan, pengkaji akan berfokus kepada golongan Mak Nyah yang telah pulih menjadi lelaki normal iaitu berpersonaliti sebagai lelaki biasa.

### **1.7.5 Persekitaran Kerja**

#### **Konseptual :**

Menurut takrifan Kamus Dewan persekitaran kerja membawa maksud suasana, keadaan atau situasi di dalam tempat kerja.

#### **Operasional :**

Persekitaran kerja membawa maksud suasana di dalam tempat kerja merangkumi keadaan kerja, bebanan tugas serta peraturan di tempat kerja.

### **1.7.6 Rakan Sebaya**

#### **Konseptual :**

Rakan sebaya membawa maksud teman, kawan, atau sahabat yang berada pada usia yang sama atau berada dalam kelompok usia yang sama. ( Kamus Dewan Edisi Ke Tiga ).

#### **Operasional :**

Dalam kajian yang dijalankan, definisi rakan sebaya telah diperluaskan sedikit skopnya. Ini merangkumi teman hidup, buah hati serta kekasih kepada responden kajian. Rakan sebaya juga merupakan teman rapat yang membuat responden berasa selesa apabila bersama mereka.

### **1.7.7 Lelaki Normal**

#### **Konseptual :**

Lelaki normal bermaksud lelaki yang sihat dari segi keadaan fizikal mereka yang terhalang daripada cacat dan cela. ( Kamus Dewan Edisi Ketiga ).

#### **Operasional :**

Dalam konteks kajian yang telah dijalankan, lelaki normal membawa pengertian lelaki yang berperwatakan normal sebagai seorang lelaki. Kajian ini menjurus kepada personaliti lelaki yang berperwatakan seperti perempuan. Oleh yang demikian, lelaki normal adalah lelaki yang berperwatakan sebagai lelaki sebenar.

## 1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif. Justeru, ia merupakan satu kajian yang dianalisa berdasarkan pandangan serta kerjasama daripada responden sepenuhnya. Ini kerana kajian ini dijalankan dalam bentuk temubual secara berperingkat. Ia juga akan menggunakan pendekatan kaunseling individu yang mana segala maklumat adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memelihara kerahsiaannya melainkan apabila diberi kebenaran oleh klien atau responden.

Di samping itu, kajian ini juga terhad kepada 6 orang responden sahaja yang mana mereka adalah terdiri daripada golongan Mak Nyah yang telah pulih serta berbangsa Melayu Islam. Kajian ini juga tertumpu kepada golongan ini yang berada di Bandaraya Kuching sahaja.

Selain daripada itu, responden dipilih berdasarkan kepada maklumat yang telah diberikan oleh rakan – rakan mereka yang masih lagi merupakan individu serta golongan yang menghadapi kecelaruan jantina. Oleh yang demikian, segala maklumat yang diperolehi daripada kajian ini juga banyak bergantung kepada tahap keselesaan serta sejauh mana responden bersedia untuk berkongsi pengalaman.

Ketepatan hasil kajian juga amat bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab panduan soalan – soalan yang dikemukakan melalui temu bual yang dijalankan. Responden juga akan dipengaruhi oleh faktor dalaman diri serta persekitaran dalam memberikan jawapan terhadap pertanyaan dalam temu bual kerana kajian ini bertumpu kepada personaliti mereka. Sikap bias juga boleh mempengaruhi hasil kajian nanti.

Kajian ini juga banyak bergantung kepada sejauh mana kerjasama yang diberikan oleh responden. Tambahan pula, responden merupakan mereka yang berbeza latar belakang serta suasana semasa menjadi Mak Nyah yang berbeza dari satu era ke satu era yang lain.

Selain daripada itu, latar belakang klien juga berbeza dari segi tahap pendidikan mereka. Ini kerana halangan bagi pengkaji dalam mendapatkan responden kajian daripada kalangan yang homogenus atau memiliki tahap pendidikan yang setara.

Pengkaji juga terikat dari segi etika kerahsiaan yang perlu dijaga dengan teliti. Pengkaji juga perlu memohon kebenaran daripada responden bagi membolehkan segala maklumat yang diperolehi disiarkan untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan. Di samping itu juga, pengkaji perlu peka terhadap segala gerak serta lenggok badan merangkumi lenggok bahasa, gestur dan postur yang ditunjukkan. Justeru, setiap respon serta tindak balas yang diberikan perlu diperhatikan serta diambil kira dalam menyokong dapatan kajian ini.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini akan merungkaikan persoalan berhubung dengan kajian yang pernah serta telah dibuat berkenaan dengan golongan Mak Nyah ini. Bab ini akan mengemukakan tinjauan ke atas kajian serta penulisan yang berkaitan dengan personaliti Mak Nyah. Bab ini disusun mengikut turutan yang menyentuh tentang definisi dan konsep pemulihan dan personaliti Mak Nyah, sorotan teori mengenai personaliti ini secara umum dan kajian – kajian terdahulu yang ada menyentuh tentang personaliti golongan ini. Terdapat beberapa kajian lepas yang ada menyentuh tentang Mak Nyah yang boleh menyokong hujah dalam kajian yang akan dijalankan.

#### 2.2 Kajian Berhubung Pemulihan

Pemulihan merupakan satu proses yang membawa perubahan daripada sesuatu yang tidak baik kepada yang lebih baik. Pemulihan juga boleh membawa maksud kembali kepada keadaan yang asal. Pemulihan juga boleh berlaku atas beberapa faktor yang merangkumi kesedaran, pengalaman serta peristiwa signifikan yang berlaku ke atas seseorang individu. Kenyataan ini disokong oleh Albert Ellis ( 1962 ) berpandukan teorinya Rational Emotive Theory ( RET ).

Menurut Ellis, manusia bermasalah adalah disebabkan oleh pemikiran tidak rasional mereka. Justeru mereka akan menanam sistem kepercayaan mereka yang tersendiri. Maka apa yang perlu adalah untuk kembali pulih kepada sedia kala atau normal. Oleh yang demikian manusia perlu rasional serta berpandukan pembelajaran yang telah dilalui.

### 2.3 Kajian Berhubung Personaliti

Schultz & Schultz ( 1994 ) menyatakan, perkataan personaliti berasal daripada perkataan Latin ' *Pesona* ' yang merujuk kepada topeng yang digunakan oleh aktor dalam pementasan.

Kenyataan ini disokong oleh Kamaruddin ( 1998 ), yang merujuk perkataan personaliti berasal daripada perkataan Latin iaitu *personalis* yang bermaksud identiti peribadi, keindividuan atau kualiti yang membentuk seseorang individu. Personaliti menggambarkan sifat – sifat yang menjadikan individu itu berbeza daripada individu yang lain.

Nik Azis ( 1995 ) dalam Kamaruddin ( 1998 ), menyatakan personaliti merujuk kepada corak pemikiran, perasaan, dan tingkah laku individu yang unik dan dinamik. Oleh yang demikian, personaliti menggambarkan sifat dan ciri – ciri sebenar seseorang dalam ukuran yang subjektif . Block, Weiss, dan Thorne ( 1979 ), menyatakan personaliti merujuk kepada keseimbangan faktor dalaman yang menjadikan tingkah laku seseorang individu itu konsisten dari satu masa ke satu masa yang lain.

Kenyataan ini disokong dengan pandangan Child ( 1968 ) yang mentakrifkan personaliti sebagai proses psikologikal yang kompleks yang berlaku kepada manusia sepertimana ia berfungsi dalam kehidupan seharian mereka. Proses ini juga dipengaruhi oleh tekanan atau dorongan sama ada dari luar mahupun dalaman.

Allport ( 1937 ) ketika menjelaskan tentang personaliti menyatakan bahawa personaliti mempunyai banyak perbezaan makna sama ada bagi ahli falsafah, teologi, sosiologi, mahupun psikologi kerana ia didefinisikan dalam pelbagai bentuk mengikut keadaan dan situasi.

Miner ( 1992 ), dalam Dayang Ratna Kesmawati ( 1999 ) menjelaskan bahawa, personaliti adalah konsepsi, iaitu sama ada secara eksplisit atau implisit dan akan mempengaruhi individu atau sesuatu kumpulan dalam membuat pemilihan atau keputusan muktamad.

Pervin ( ( 1993 ) pula menjelaskan bahawa personaliti mewakili sesuatu perwatakan manusia yang mengambil kira bentuk perilaku manusia yang konsisten. Phares ( 1991 ) pula menyatakan bahawa personaliti merupakan corak dalam perwatakan manusia yang meliputi pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang membezakan seorang individu dengan individu yang lain yang terjadi akibat perjalanan masa dan situasi.

Kenyataan ini disokong oleh Mischel ( 1993 ) yang memberikan takrifan personaliti sebagai suatu tingkah laku yang meliputi pemikiran dan emosi ( perasaan ), yang terbentuk oleh pengaruh kesan penerimaan ( adaptasi ) daripada persekitaran dalam kehidupan mereka.

Ini ditambah lagi oleh pernyataan oleh Eysenck ( 1970 ) yang memberikan takrifan personaliti sebagai keseluruhan tingkah laku sesuatu organisma yang meliputi perangai, intelek, peribadi dan juga bentuk badan yang stabil serta dapat menentukan penyesuaian yang unik terhadap persekitaran.